



AMALAN PENGURUSAN DAN NILAI ETIKA GURU KOPERASI CEMERLANG DI DUA BUAH SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN

SALMAH BT SALLEH



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021





**AMALAN PENGURUSAN DAN NILAI ETIKA GURU KOPERASI
CEMERLANG DI DUA BUAH SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN**

SALMAH BT SALLEH



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN

SISWAZAH PERAKUAN

KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 19 (hari bulan) MEI (bulan) 2021

i. Perakuan pelajar :

Saya, SALMAH BT SALLEH, M20162001616, FAKULTI PENGURUSAN & EKONOMI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk AMALAN PENGURUSAN DAN NILAI ETIKA GURU KOPERASI CEMERLANG DI DUA BUAH SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Salmah

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. SYED ISMAIL BIN SYED MOHAMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN PENGURUSAN DAN NILAI ETIKA GURU KOPERASI CEMERLANG DI DUA BUAH SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN PENGURUSAN PENDIDIKAN (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

19/5/2021

Tarikh

[Signature]

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. SYED ISMAIL BIN SYED MOHAMAD A.P, A.M.P
JABATAN PENGURUSAN PENDIDIKAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 TANJONG MALIM PERAK



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: AMALAN PENGURUSAN DAN NILAI ETIKA GURU KOPERASI CEMERLANG
DI DUA BUAH SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN

No. Matrik / Matric's No.: M20162001616

Saya / I: SALMAH BINTI SALLEH

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Salmah

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 2 Jun 2021

(Signature of Supervisor)

& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. MADYA DR. SYED ISMAIL BIN SYED MOHAMMAD AAF, AMR

JABATAN PENGURUSAN PENDIDIKAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35000 TANJONG MALIM PERAK

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Syukur kehadiranNya yang sentiasa memberikan kekuatan dan kesabaran bagi saya menyempurnakan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Professor Madya Dr. Syed Ismail bin Syed Mohamad kerana telah memberikan sokongan dan dorongan serta bimbingan kepada saya sepanjang menyiapkan disertasi ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh penyelia kepada saya banyak membantu kepada kejayaan tesis ini. Saya amat menghargai kesabaran beliau yang sentiasa berkongsi maklumat dan kepakaran sepanjang sesi penyeliaan kajian ini serta maklum balas daripada beliau yang menyakinkan dan sangat membantu.

Sekalung penghargaan dan terima kasih saya ditujukan kepada pengetua SMK Jalan Bangi Tiga dan pengetua SMK Taman Jasmin 2 yang membenarkan saya menjalankan kajian ini. Jutaan terima kasih kepada Dr. Zahiah Bt Harith@Harris dan Pn. Ros Amisha Bt Shabudin yang telah menyumbangkan kepakaran beliau membantu saya menyiapkan disertasi ini. Tidak lupa juga kepada guru-guru di kedua-dua buah sekolah kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik.

Terima kasih yang tidak terhingga buat abah dan mak serta sahabat handai atas dorongan dan motivasi kepada saya bagi menyempurnakan disertasi ini. Kejayaan ini tidak mungkin diperolehi tanpa kekuatan, semangat, dorongan dan kesabaran yang tinggi daripada mereka. Akhir sekali, penghargaan kepada semua yang telah memberikan sokongan dalam menyiapkan kajian ini samada secara langsung atau tidak secara langsung.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Berdasarkan data statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2017, terdapat sebanyak 191 buah koperasi sekolah yang masih berada ditahap perolehan *turnover* yang rendah. Hal ini adalah kerana terdapat kelemahan amalan pengurusan serta nilai etika dari segi perancangan, kelolaan dan kawalan koperasi oleh ahli lembaga dan anggota koperasi sekolah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan pengurusan dan nilai etika guru koperasi di dua buah koperasi cemerlang sekolah menengah kebangsaan. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah dijalankan berdasarkan dua objektif kajian iaitu amalan pengurusan dan nilai etika yang diamalkan oleh guru koperasi cemerlang di dua buah sekolah menengah kebangsaan di negeri Selangor. Pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif untuk mendapatkan data dengan menemu bual peserta kajian iaitu seramai empat orang guru koperasi, menjalankan pemerhatian dan menganalisis dokumen yang berkaitan dengan kajian. Kajian ini dilaksanakan di dua buah koperasi cemerlang sekolah dalam daerah Hulu Langat. Data kualitatif yang diperolehi telah dianalisis berdasarkan transkripsi temubual peserta kajian secara manual dengan menentukan tema-tema dan subtema yang muncul daripada persoalan kajian yang telah ditetapkan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa elemen penting dalam amalan pengurusan adalah mempunyai perancangan koperasi yang cekap diikuti dengan elemen kelolaan yang mantap dan berkesan serta elemen kawalan yang berkualiti. Manakala nilai etika menumpukan nilai ketelusan dan amanah terhadap pembangunan sahsiah diri di samping nilai etika yang lain iaitu sadik (benar) dan semangat penyayang menjadikan sebagai sebahagian daripada identiti ahli lembaga dan anggota koperasi yang cemerlang. Kesimpulannya, sesebuah koperasi perlu mempunyai amalan pengurusan koperasi yang menitikberatkan perancangan, kelolaan dan kawalan serta mempunyai nilai etika iaitu nilai ketelusan, amanah, sadik (benar) dan semangat penyayang agar dapat memenuhi dasar yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Justeru itu, kajian ini dapat menyumbang kepada pihak berkaitan seperti Maktab Koperasi Malaysia (MKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM dan koperasi sekolah di Malaysia.





MANAGEMENT PRACTICES AND ETHICAL VALUES OF TEACHERS IN EXCELLENT COOPERATIVES IN TWO NATIONAL SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

Based on the 2017 statistics from the Suruhanjaya Koperasi Malaysia, there are 191 school cooperatives which are deemed to be at the low turnover in terms of revenue. This is due to weaknesses with regards to the management practices and ethical values in the areas of planning, management and control of cooperatives by the board and members in the schools. Thus, this research was conducted to analyse two objectives namely, the management practices and the ethical values practised by excellent cooperative teachers in two national secondary schools in Selangor. Qualitative method was used to obtain data, namely, interview of four cooperative teachers, observation and document analysis which is related to the research. Themes and sub-themes are identified in the data compiled. The findings of the research show that the key element in good cooperative management practices is efficient planning, followed by exceptional and effective management and good quality control. Whilst the ethical values focused on the values of transparency and trust to develop character by practising the management mantra of “doing things right” and nurturing compassion among cooperatives’ board and members in the schools in order to fulfill the policies set by the Malaysian Cooperative Commission. In conclusion, a school cooperative must practise a management which emphasised on efficient planning, followed by exceptional and effective management and good quality control while giving attention to ethical values of transparency, trust, “doing things right” and compassion. Therefore, it is hoped that this research will contribute to related parties such as Institut Koperasi Malaysia (IKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) and all school cooperatives in Malaysia.





KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	12
1.4 Kerangka Kajian	17
1.5 Tujuan Kajian	21
1.6 Objektif Kajian	22
1.7 Persoalan Kajian	22
1.8 Kepentingan Kajian	23
1.9 Batasan Kajian	24
1.10 Definisi Operasional	26
1.11 Rumusan	31



**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	32
2.2	Sistem Pengurusan Koperasi	33
2.3	Struktur Pentadbiran dan Pengurusan Koperasi	36
2.4	Struktur Pentadbiran Koperasi Sekolah	40
2.5	Tadbir Urus Koperasi Sekolah	46
2.6	Peranan Tadbir urus koperasi	51
2.7	Amalan Pengurusan Koperasi	52
2.10	Nilai Dalam Koperasi Sekolah	104
2.11	Kajian-Kajian Lepas Berkaitan	129
2.12	Rumusan	131

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	132
3.2	Rekabentuk Kajian	133
3.3	Populasi Dan Persampelan	140
3.4	Tatacara Pengumpulan Data	143
3.5	Proses Pengumpulan Data	150
3.6	Kaedah Penganalisan Data	154
3.7	Aspek Triangulasi	155
3.8	Kajian Rintis	156
3.9	Tatacara Penganalisan Data	157
3.10	Proses Penganalisan Data	159
3.11	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	164
3.12	Rumusan	167

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	168
4.2	Konteks Kajian	170
4.3	Latar Belakang Peserta Kajian	171
4.3.1	Peserta Kajian Pertama (P1)	172





4.3.2	Peserta Kajian Kedua (P2)	172
4.3.3	Peserta Kajian Ketiga (P3)	173
4.3.4	Peserta Kajian Keempat (P4)	173
4.4	Dapatan kajian	174
4.4.1	Amalan Pengurusan Guru Koperasi di SMK di Negeri Selangor	174
4.4.2	Amalan Pengurusan Terhadap Perancangan Koperasi Sekolah	176
4.4.3	Amalan Pengurusan Terhadap Kelolaan Koperasi Sekolah	198
4.4.4	Amalan Pengurusan Terhadap Kawalan Oleh Anggota	235
4.4.5	Nilai Etika Yang Diamalkan Guru Koperasi Sekolah	244
4.5	Analisis Berdasarkan Tema	261
4.6	Rumusan	266

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	267
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	268
5.2.1	Amalan Pengurusan Dalam Koperasi Sekolah	269
5.2.2	Nilai Etika Dalam Koperasi Sekolah	303
5.3	Rumusan Kajian	309
5.4	Implikasi Dan Cadangan	313
5.4.1	Implikasi Kepada Teori	313
5.4.2	Implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	317
5.4.3	Implikasi kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)	319
5.4.4	Implikasi Kepada Pengurusan Guru Koperasi	320
5.4.5	Implikasi kepada ALK pelajar	324
5.4.6	Implikasi kepada koperasi sekolah	327
5.4.7	Implikasi Kepada Universiti	329
5.4.8	Implikasi Kepada Sekolah	330
5.4.9	Implikasi Kepada Masyarakat	331
5.5	Sumbangan Kajian	334
5.6	Penemuan Ciri Baru Dalam Dapatan Kajian	336
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	337





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ix

5.8 Rumusan

339

RUJUKAN

340



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Senarai Koperasi-Koperasi Sekolah	4
1.2	Data Statistik Koperasi Di Malaysia	8
2.1	Aspek Utama Dalam Menentukan Jenis Dan Bentuk Perniagaan Koperasi Sekolah	72
2.2	Pengagihan Tugas Dan Tanggungjawab ALK	74
2.3	Tiga Elemen Koperasi	117
2.4	Nilai Asas Dalam Koperasi	120
3.1	Perolehan Data Kajian Secara Temu Bual, Dan Analisa Dokumen	139
3.2	Perolehan Data Secara Pemerhatian	139
4.1	Kod Analisis Kajian	170
4.3	Taburan Pola Tema Terhadap Perancangan Koperasi Sekolah	175
4.4	Taburan Pola Tema Terhadap Kelolaan Koperasi Sekolah	199
4.5	Taburan Pola Tema terhadap Kawalan Oleh Anggota	235
4.6	Taburan Pola Tema Nilai Etika Dalam Guru Koperasi Sekolah	245
4.7	Analisis Berdasarkan Tema	264



**SENARAI RAJAH****No. Rajah****Muka Surat**

1.1	Data Statistik Koperasi Sekolah Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2017	12
1.2	Kerangka Teoritikal Kajian	19
1.3	Kerangka Konseptual Kajian	21
2.1	Struktur Pentadbiran Dan Pengurusan Koperasi	37
2.2	Hala tuju dan kaedah koperasi	39
2.3	Aliran Kecemerlangan Tadbir Urus Koperasi Sekolah	41
2.4	Struktur Pentadbiran Koperasi Sekolah	42
2.5	Skop Tadbir Urus Koperasi Sekolah	47
2.6	Aliran Konsep Tadbir Urus	49
2.7	Peranan Warga Koperasi Dalam Tadbir Urus Koperasi	51
2.8	Pembentukan, Penerapan Dan Gabungan Dari Nilai-Nilai	115
2.9	Impak Pemantapan Hubungan Nilai Asas dan Nilai Etika	124
5.1	Pemantapan dan pemeraksanaan tadbir urus koperasi	286





SENARAI SINGKATAN

ALK	Anggota Lembaga Koperasi
ANGKASA	Angkasa Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
MKM	Maktab Koperasi Malaysia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
UUK	Undang-Undang Kecil
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
JAD	Jawatankuasa Audit Dalaman
ETIKOP	Etika Koperasi



**SENARAI LAMPIRAN**

A	Maklumat Biodata Guru Koperasi	361
B	Maklumat Peserta Kajian	363
C	Protokol Temu Bual	364
D	Surat Lantikan Peserta Kajian	368
E	Protokol Pemerhatian	369
F	Protokol Analisis Dokumen	371
G	Laporan Analisis Dokumen	373
H	Pengesahan Kandungan Instrumen	377
I	Surat Pengesahan Temu Bual	381
J	Surat Kebenaran Melakukan Penyelidikan Daripada Kampus	389
K	Surat Kebenaran Melakukan Penyelidikan Daripada SKM	391
L	Surat Kebenaran Melakukan Penyelidikan Daripada EPRD	392
M	Surat Kebenaran Melakukan Penyelidikan Daripada JPN Selangor	393
N	Surat Kebenaran Melakukan Penyelidikan daripada SMK A	395
O	Surat Kebenaran Melakukan Penyelidikan daripada SMK B	396





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Pengurusan merujuk kepada proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal daya usaha anggota-anggota organisasi dan menggunakan sumber-sumber organisasi dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan. Menurut Draf (2007), pengurusan bermaksud mencapai matlamat organisasi dengan cekap dan berkesan melalui proses perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengawalan sumber-sumber organisasi. Begitu juga dengan pengurusan koperasi juga melibatkan perancangan, pengorganisasian, memimpin dan mengawal dalam sesebuah koperasi. Menurut Mohd Hassan dan Marzuki (2017), untuk memastikan ini dapat dilakukan dengan





jayanya, maka perlu terlebih dahulu diwujudkan organisasi koperasi yang kemas dan teratur di samping memiliki tenaga pengurusan yang mempunyai daya kecekapan yang tinggi.

Amalan pengurusan koperasi terdiri daripada perancangan, kelolaan dan kawalan guru terhadap koperasi sekolah. Manakala nilai etika yang diamalkan oleh koperasi terdiri daripada amanah, ketelusan, sadik (benar) dan semangat penyayang (Ahmad Marzuki, 2004). Amalan pengurusan guru koperasi cemerlang yang dipilih dan dilantik dalam pentadbiran dan pengurusan koperasi perlu berupaya meningkatkan amalan pengurusannya sepanjang memikul tanggungjawab berlandaskan kepada konsep dan falsafah koperasi (Abdul Fattah Abdullah & Ahmad Marzuki, 2018). Ianya perlu selari dengan penerapan nilai etika menerusi amalan pengurusan yang dapat mengatasi masalah dan kelemahan dalam pelbagai aspek pemerintahan seperti pengurusan kewangan, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh peraturan, perundangan serta agama (Jamiah et al., 2004).

Dengan kata lain, seorang pemimpin perlu memainkan peranan yang penting menentukan dalam mencapai matlamat serta mengekalkan amalan pengurusan yang baik serta nilai etika yang diamalkan. Oleh itu, seorang guru koperasi yang diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan tugas dengan andaian dapat mewujudkan suasana pengurusan yang teratur, cekap dan diuruskan dengan baik kerana ia adalah prasyarat bagi kejayaan oleh sesebuah koperasi.





1.2 Latar belakang Kajian

Gerakan koperasi sekolah yang telah bertapak di Malaysia sejak 1968 dilihat semakin berkembang seiring dengan penubuhan koperasi di setiap sekolah menengah (DimensiKoop, Januari 2016). Secara umum, masyarakat melihat koperasi sekolah diwujudkan hanya untuk menjalankan urusan niaga peralatan dan kelengkapan sekolah sebagai memenuhi keperluan sekolah. Sungguhpun begitu, tujuan penubuhan koperasi sekolah mempunyai matlamat dan objektif yang lebih besar manfaatnya sehingga dapat melahirkan barisan pelapis koperator yang berkualiti. Walaubagaimanapun, kini koperasi telah berkembang dengan membantu masyarakatnya (anggota) dan meningkatkan sosio ekonomi berdasarkan kepada kepentingan dan aspirasi bersama (Abdul Fattah Abdullah &

Ahmad Marzuki, 2018)



Sehubungan itu, sekolah memerlukan sebuah pengurusan yang mantap dan berkesan supaya dapat merealisasikan matlamat, visi dan misi. Di sini, pengurusan seseorang pentadbir amat penting sebagai tunggak pengurusan yang utama dalam sesebuah sekolah. Oleh yang demikian, untuk membentuk, menguruskan dan mencapai hala tuju yang cemerlang bukan terletak di bahu seorang pengetua sahaja. Guru koperasi seharusnya cekap dalam menguruskan tugas-tugas yang diberikan kepadanya. Maka, pengurusan guru seharusnya diamalkan bagi meningkatkan kemahiran seseorang guru tersebut. Bagi setiap rangkaian struktur organisasi yang telah diberikan mandat oleh seseorang pengetua mempunyai fungsi yang tersendiri. Oleh yang demikian, penggabungan setiap fungsi ini perlu diadunkan sekaligus untuk mencapai hala tuju yang ditetapkan.



Cadangan mewujudkan koperasi sekolah di Malaysia bermula pada tahun 1953, iaitu dengan asal usul yang diluluskan melalui persidangan Kerjasama Malaysia. Ini berikutan satu persetujuan yang dicapai pada ketika itu di antara Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pertanian sebagai galakan bagi menubuhkan koperasi sekolah (DimensiKoop, 2016). Walaubagaimanapun, perancangan ini tidak dapat diteruskan sehinggalah pada tahun 1968 cadangan tersebut dibangkitkan semula oleh Prof. Diraja Ungku Aziz (SKM, 2015). Oleh yang demikian, pada tahun yang sama sebanyak 9 buah koperasi sekolah buat pertama kali diwujudkan di Malaysia. Senarai koperasi-koperasi sekolah adalah seperti dalam jadual 1.1 berikut:-

Senarai koperasi-koperasi sekolah (Ahmad Marzuki, 2009)

BIL	KOPERASI	Tarikh Pendaftaran
1	Koperasi SMK Dr Burhanuddin, Taiping	4 November 1969
2	Koperasi SMK Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu	24 November 1969
3	Koperasi SMK Abdul Rahman Talib, Kuantan	24 November 1969
4	Koperasi SMK Abu Bakar, Kuantan	24 November 1969
5	Koperasi SMK Tengku Menteri Changkat Jering, Taiping	18 Disember 1969
6	Koperasi SMK Padang Midin, Kuala Terengganu	20 Disember 1969
7	Koperasi SMK Zainab, Kota Bharu	21 Disember 1969
8	Koperasi Jimat Cermat Penuntut-penuntut SMK Iskandar Shah, Jasin Melaka	22 Disember 1969
9	Syarikat Kerjasama Jiatt Cermat Murid-murid sekolah Dato' Jaafar Johor Bahru	23 Disember 1969



Tujuan penubuhan koperasi adalah berasaskan konsep bantu diri dan mempunyai prinsip yang tersendiri. Koperasi juga disebut sebagai perusahaan sosial yang menjadikan aktiviti ekonomi sebagai pendekatan utama untuk memastikan objektif meningkatkan taraf hidup anggota tercapai. Ini selari dengan Parnell (2014), koperasi adalah persatuan yang menggabungkan sumber bagi memenuhi keperluan mereka dan perlu diuruskan oleh ahli koperasi serta beroperasi untuk kepentingan ahli koperasi.

Oleh yang demikian, koperasi perlu menjadi sebuah perusahaan yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi dan organisasi perniagaan yang mampu bersaing dalam bidang yang menjadi kekuatan koperasi. Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 juga telah menetapkan Teras Strategik II iaitu memantapkan keupayaan dan kebolehan koperasi melalui peningkatan kecekapan tadbir urus dan prestasi (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2010). Dasar Koperasi Negara (DKN) 2011-2020 juga telah menetapkan Teras Strategik II iaitu memantapkan keupayaan dan kebolehan koperasi melalui peningkatan kecekapan tadbir urus dan prestasi (Suruhanjaya Koperasi Malaysia, 2010).

Namun itu, pertubuhan koperasi sekolah dipimpin dan ditadbir oleh guru koperasi sekolah berkenaan tetapi ianya masih dipantau oleh pihak luar yang menjadi pembimbing dan penasihat agar matlamat asal penubuhan koperasi sekolah dipelihara dan dikawal dengan rapi. Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) serta bahagian Kokurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan badan yang bertanggungjawab mengendalikan, mengawal





dan memberikan tunjuk ajar dalam aspek pengurusan dan perjalanan urusan sehari-hari koperasi sekolah.

Dalam memulakan penubuhan sesebuah koperasi keprihatinan KPM tentang keperluan SMK menubuhkan koperasi sekolah menunjukkan kegiatan koperasi sekolah merupakan antara kegiatan kokurikulum yang berupaya merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Umum mengetahui falsafah pendidikan negara yang dirumuskan pada tahun 1988 dan disebut dalam akta 1996 yang berikut:

'...Adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran dan negara...'

Selain itu, menurut Ungku Aziz (2002) tujuan penubuhan koperasi sekolah seperti termaktub dalam Undang-Undang Kecil Koperasi Sekolah 4(2) adalah seperti berikut (i) mewujudkan kemudahan bagi membolehkan ahli-ahli menyimpan sebahagian daripada wang mereka untuk tujuan berfaedah; (ii) menawarkan barang-barang keperluan ahli seperti alat tulis, makanan, pakaian sukan serta buku dengan kebenaran pengetua/guru besar; (iii) menjalankan aktiviti menternak dan memelihara sebarang jenis ternakan yang boleh memberikan faedah kepada pelajar beserta alatan kelengkapan persekolahan yang





lain; (iv) menyokong dan menjayakan sebarang aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah yang mana ia boleh memberikan faedah kepada ahli-ahli; dan (v) merancang dan mengelola sebarang jenis aktiviti lain di sekolah yang difikirkan dan memberikan pulangan kepada ahli-ahli, setelah mendapat kebenaran Ketua Pendaftar koperasi.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh koperasi sekolah adalah seperti berikut (i) menjalankan perniagaan kedai buku atau kedai runcit sekolah; (ii) menjalankan perniagaan kantin sekolah, kedai dobi, kedai jahit, kedai gunting dan kedai runcit asrama bagi sekolah-sekolah asrama; (iii) mewujudkan Skim Simpanan Wang penuntut; iv. menjalankan perkhidmatan bas sekolah; (vi) mengusahakan projek-projek ternakan ayam, ikan dan kebun sayur bagi sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan tersebut; (vii) menjalankan kerja-kerja kontrak kecil seperti memulihara padang sekolah, membuat perabot serta kerja-kerja mengecat (viii) menjalankan perkhidmatan fotostat, sanitari, menjilid buku, jualan setem dan kad telefon; (v) menjual peralatan sukan, baju seragam sekolah, cenderamata dan keperluan lain. Ini disokong oleh Zimnoch (2016), pada abad ke-19 kebanyakan penglibatan koperasi sekolah menjual produk berbentuk makanan. Gerakan perniagaan koperasi semakin bertambah maju seiring dengan keperluan dan permintaan sedia ada.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia dalam kenyataan visi dan misinya telah mensasarkan sumbangan koperasi terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 5% menjelang tahun 2013 dan 10% menjelang tahun 2020,



berbanding kurang daripada 1% pada tahun 2008 (SKM, 2010). Bilangan koperasi juga dijangka akan turut meningkat kepada tahap memberangsangkan menjelang tahun 2020. Data ini jelas menunjukkan kerajaan begitu komited dalam memperkasakan koperasi selaras dengan tujuan penubuhannya, berikut paparan maklumat koperasi di Malaysia yang terkini:

Jadual 1.2

Data statistik koperasi di Malaysia (2017)

BIL	TAHUN	BIL KOPERASI	JUMLAH MODAL SYER/YURAN (RM BILLON)	JUMLAH ASET (RM BILLION)	PEROLEHAN (RM BILLION)
1	2013	2268	21.80	248.07	237.7
2	2014	2301	22.98	257.95	227.29
3	2015	2335	23.80	278.53	237.73
4	2016	2361	24.12	298.55	245.16
5	2017	2395	31.2	324.77	382.94

Justeru itu, sekolah sebagai satu sistem sosial di mana aktiviti interaksi yang berkesan secara bersepadu untuk membentuk sebuah sistem sosial yang baik dan tersendiri. Aktiviti yang dijalankan mengandungi hal-hal pengurusan, pengajaran, pembelajaran, penyelenggaraan, penyelarasan dan pemantauan. Koperasi juga lebih mengutamakan



matlamat sosial tanpa mengabaikan aktiviti ekonomi yang dapat memberikan keuntungan kepada anggota yang berbeza dengan tujuan penubuhan syarikat swasta, iaitu mendapatkan keuntungan sebanyak mungkin (Idris & Safaai, 2012). Oleh yang demikian, amalan pengurusan dalam kalangan guru-guru koperasi perlu berusaha sedaya mungkin bagi memajukan pencapaian sebuah koperasi dan meningkatkan kualiti pengurusan yang ditawarkan oleh pengetua kepada guru berkenaan. Namun itu, guru koperasi yang telah diberikan autonomi penuh kepadanya untuk diuruskan di samping pengetua memantau setiap perancangan yang dilakukan. Penubuhan koperasi sekolah ini telah membuktikan bahawa penyumbangan yang besar kepada peningkatan taraf hidup dan mengurangkan tekanan daripada kemiskinan, desakan orang tengah dan sebagainya.



Dengan penubuhan koperasi sekolah serta kaitannya dengan aspirasi murid melalui

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025), mengharapkan agar para pendidik, ibu bapa, murid dan semua ahli masyarakat akan bersatu dalam merealisasikan visi pendidikan sebagai wadah pembangunan murid yang holistik dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Pelan ini juga merujuk sistem pendidikan berprestasi tinggi yang dicapai oleh negara lain bagi mengenal pasti kemahiran khusus yang boleh diterapkan kepada murid bagi membolehkan mereka menerajui pembangunan ekonomi global. Terdapat enam Aspirasi Murid yang terkandung di dalam PPPM, dan empat daripada aspirasi tersebut mempunyai hubungkait dengan penubuhan koperasi sekolah yakni melalui aspirasi.



Pertama, pengetahuan menjadikan setiap pelajar perlu menguasai kemahiran mata pelajaran teras terutamanya Matematik. Dengan kata lain penubuhan koperasi sekolah ini dapat membantu pelajar dalam penguasaan subjek ini melalui proses jual beli, pengiraan stok, penyediaan bil dan sebagainya yang dijalankan di koperasi sekolah ini.

Kedua, kemahiran berfikir dalam penubuhan koperasi sekolah ini diharap membantu pelajar belajar cara untuk memperoleh ilmu pengetahuan sepanjang kehidupan mereka. Lebih penting lagi, dalam ekonomi berasaskan pengetahuan, mereka mencipta ilmu yang baharu. Setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif termasuk penyelesaian masalah, penaakulan dan pemikiran kreatif dan inovatif.

Ketiga, kemahiran memimpin berdasarkan kepada kebolehan pelajar untuk memimpin dan bekerja dengan orang lain secara berkesan adalah penting. Sistem pendidikan negara akan membantu setiap murid mencapai potensi sepenuhnya dengan mewujudkan peluang yang formal dan bukan formal, bekerja dalam pasukan dan mengamalkan ciri pengurusan. Dalam konteks sistem pendidikan, pengurusan merangkumi empat dimensi, iaitu keusahawanan, berdaya tahan, kecerdasan emosi, dan kemahiran berkomunikasi dengan berkesan.

Keempat, kemahiran dwibahasa untuk setiap pelajar perlu menguasai sekurang-kurangnya bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan, serta bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa. Penubuhan koperasi ini dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa ini disamping berupaya menggunakan bahasa



Malaysia dan bahasa Inggeris dalam persekitaran kerja. Di samping itu, Kementerian akan menggalakkan semua murid untuk mempelajari bahasa lain sebagai bahasa tambahan.

Yahya (2005), menyatakan bahawa keberkesanan pengurusan sekolah berkait rapat dengan sifat berani, bersedia memikul risiko, kreatif, inovatif dan imaginatif. Pengurusan yang matang bukan sahaja perlu menguruskan segala sumber yang ada di sekolah malah diri sendiri juga perlu berani melakukan kritikan yang membina tetapi melakukan kritikan dan refleksi pada pengurusan yang ditonjolkan. Setiap wujudnya sesebuah pengurusan, pasti berlakunya masalah. Cara menangani masalah perlu juga diuruskan dengan baik. Oleh itu, kualiti pengurusan yang diri sendiri perlu diberikan anjakan. Pengurusan ini dapat dilihat sebagai satu idea yang relevan dan praktikal ke arah mewujudkan kualiti pengurusan yang lebih cekap dan efisien dalam memimpin sebuah koperasi sekolah.

Selaras dengan itu, kajian ini membincangkan mengenai amalan pengurusan yang diamalkan dalam kalangan guru-guru koperasi sekolah dalam menguruskan sebuah koperasi dengan jayanya. Kajian ini akan memberikan fokus kepada amalan yang dilakukan terhadap pengurusan dalam menentukan kejayaan barisan guru-guru koperasi sekolah dalam menguruskannya. Di samping itu juga, nilai pengurusan guru yang perlu dikaji hanyalah meliputi nilai bekerjasama, bertanggungjawab, demokrasi, perpaduan, kesaksamaan dan persamaan.




1.3 Penyataan Masalah

Rajah data statistik koperasi sekolah di negeri Selangor bagi tahun 2017 seperti rajah 1.1 menunjukkan jumlah keseluruhan *turnover* koperasi di negeri Selangor pada tahun 2017. Data yang dilihat menjelaskan bahawa terdapat 8 buah koperasi sekolah mencapai *turnover* yang tinggi seterusnya 74 buah koperasi sekolah dengan pencapaian *turnover* yang sederhana manakala sebanyak 191 buah koperasi sekolah yang mempunyai nilai *turnover* yang kecil.



05-

upsi



Rajah 1.1. Data Statistik Koperasi Sekolah Di Negeri Selangor Bagi Tahun 2017 (SKM, 2017)

Perolehan *turnover* yang tinggi menunjukkan sesebuah koperasi berjaya dalam menjana pendapatan koperasi sekolah (Utusan Borneo, 1 April 2019). Hal ini bertepatan



dengan Model Pengurusan (1995) yang mengandungi empat elemen iaitu, perancangan, kelolaan, kawalan dan memimpin. Setiap elemen tersebut mempunyai fungsi yang amat penting dalam pengurusan koperasi sekolah. Menurut Nurdina Abd Rahman & Zamzuri Zakaria (2019), pengurusan yang cekap dan berintegriti dalam menguruskan perniagaan adalah faktor kejayaan koperasi.

Namun begitu, terdapat juga koperasi sekolah yang mempunyai perolehan *turnover* yang rendah. Data statistik yang ditunjukkan bahawa masih terdapat sebanyak 191 buah koperasi sekolah yang masih berada ditahap perolehan *turnover* yang rendah. Bilangan koperasi sekolah ini yang agak besar mewakili di seluruh negeri Selangor yang perlu diberikan tumpuan bagi penambahbaikan. Menurut Abdul Fattah Abdullah Abdullah & Ahmad Marzuki (2018), menjelaskan bahawa kelemahan dari segi perancangan koperasi bahawa ahli koperasi sendiri tidak berusaha mendekati hala tuju koperasi. Dalam pengurusan elemen perancangan koperasi adalah amat penting. Ini kerana melibatkan pengurusan guru koperasi dan ahli koperasi dalam merancang, mengagih, dan menggunakan sumber manusia, wang tunai, harta awam dan perkhidmatan bagi mencapai matlamat organisasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2005). Guru koperasi atau pengurus diberikan tanggungjawab oleh ALK membentuk struktur pengurusan yang berkesan. Struktur ini memainkan peranan dari segi agihan tanggungjawab mengurus perjalanan koperasi. Kelemahan ini boleh dilihat apabila guru koperasi menghadapi masalah dalam membentuk struktur pengurusan disebabkan kekurangan ilmu koperasi dan perundangan koperasi.





Namun begitu, sebanyak 191 buah koperasi sekolah yang hanya beroperasi atas dasar untuk meneruskan kelangsungan perjalanan seharian koperasi tersebut. Sebilangan koperasi ini, masih belum jelas akan objektif penubuhannya dan sedang dibelenggu masalah yang serius (Abdul Fattah Abdullah Abdullah & Ahmad Marzuki, 2018). Pandangan ini juga disokong oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah menjelaskan bahawa sistem pengurusan koperasi sekolah yang lemah menyebabkan kemerosotan ahli koperasi (Berita Harian, 30 Ogos 2018). Kemerosotan ahli ini menyebabkan koperasi tidak mendapat kerjasama dengan warga sekolah. Maka, pengurusan koperasi yang lemah akan membantutkan segala aktiviti dan program koperasi.



Perkara yang dinyatakan di atas boleh ditangani jika ALK dan pihak pengurusan mempunyai perancangan strategik dalam membentuk dan membimbing anggota. Oleh kerana, sikap ALK dan pihak pengurusan lebih mengutamakan kepada meningkatkan keuntungan koperasi. Maka, dengan kelemahan ini akan menyukarkan lagi masalah anggota dalam memikul peranan dan tanggungjawab. Sebaliknya, pihak pengurusan koperasi sekolah haruslah mempunyai ilmu tentang koperasi terlebih dahulu seperti yang ditegaskan oleh Abdul Fattah Abdullah Abdullah dalam Sambutan Hari Koperasi Sekolah (HKS) menggalakkan koperator-koperator sekolah mendalami ilmu koperasi melalui program, seminar, pertandingan kuiz yang diadakan sempena Perayaan Hari Koperasi Antarabangsa (Pendidik, 27 Februari 2018).



Selain itu, kelemahan dari segi elemen kelolaan oleh guru koperasi. Kelolaan di sini peranan dan tanggungjawab guru koperasi dalam pengurusan koperasi. Kesukaran mendapatkan kerjasama kalangan ALK koperasi begitu nyata. Kebanyakan ahli jawatankuasa lebih fokus kepada kepada tanggungjawab hakiki (sebagai guru dan pelajar). Kekangan masa dan ruang yang terhad di kalangan jawatankuasa dan petugas tidak menjalankan tanggungjawab pada hari-hari tertentu. Masalah ini menyebabkan guru koperasi gagal memantapkan pengurusan koperasi sekolah.

Bagi guru, selain mengajar mereka terlibat dalam jawatan lain yang diberikan oleh pihak pentadbiran sekolah seperti penyelarasan tingkatan, guru disiplin dan sebagainya. Setiap jawatan ini memerlukan komitmen tinggi seperti membuat laporan bulanan, memasukkan data dan kemaskinikan data koperasi. Maka, perancangan jadual kerja yang lemah menyebabkan guru koperasi tidak dapat menumpukan perhatian terhadap hala tuju dan matlamat sebenar koperasi (Mohamad Ali Hasan & Ahmad Marzuki, 2017). Begitu juga dengan anggota koperasi yang terdiri daripada para pelajar. Setiap ALK pelajar diberikan tugas oleh guru koperasi.

Sehubungan itu, setiap tugas diberikan tempoh masa supaya dapat memastikan masa yang dimanfaatkan terhadap tugas ini tidak tertangguh. Ada juga di antara mereka yang tidak dapat melaksanakan tugas dengan sempurna disebabkan oleh memegang jawatan yang lain seperti pengawas, ketua darjah dan sebagainya. Sebaliknya, ANGKASA berpandangan bahawa koperasi sekolah berpotensi menjana pendapatan tanpa



mengganggu proses pembelajaran murid dalam kelas, malah ia mampu mengasahkan bakat dan potensi keusahawanan serta kemahiran-kemahiran mentadbir, mengurus, berniaga, membuat kira-kira dan dapat memupuk nilai-nilai murni yang diperlukan murid (SKM, 2010).

Seterusnya, kelemahan dari segi kawalan guru koperasi, yang mana pengurusan yang kurang kemahiran dalam mengendalikan perniagaan koperasi. Kakitangan ini bergantung sepenuhnya kepada arahan daripada pihak pengurusan koperasi. Penggantungan ini menyebabkan banyak tugas tertangguh sehingga menjejaskan operasi dan mutu kawalan yang lemah dalam koperasi (Abdul Fattah Abdullah Abdullah & Ahmad Marzuki, 2018). Antaranya ialah resit pembelian tidak di simpan di tempat yang betul; dokumen dan rekod tidak lengkap dan laporan harian tidak dibuat dengan cermat. Masalah ini menyebabkan peningkatan prestasi kualiti pengurusan akan terjejas. Pandangan ini disokong Mohd Herwan (1998) pula, terdapat perkaitan yang signifikan di antara penggunaan maklumat perakaunan dengan prestasi perniagaan. Maka, Semakin baik dan sistematik sesuatu sistem perakaunan sesebuah perniagaan itu, maka dapat dikatakan semakin berjaya sesebuah perniagaan itu.

Selain itu, tahap kesedaran nilai etika yang rendah tentang tanggungjawab yang diberikan oleh pihak atasan kepada pihak yang bertanggungjawab merupakan faktor utama berlakunya masalah pengurusan koperasi. Hal ini berlaku kerana kebanyakan pihak pengurusan mengabaikan nilai etika dalam koperasi sehingga berlakunya penyelewengan



dan tidak bersistematik (Abdul Fattah Abdullah Abdullah & Ahmad Marzuki, 2018). Maka, pengamalan nilai etika dalam kalangan ALK guru dan pelajar koperasi amat diperlukan berdasarkan kepada empat nilai etika iaitu Ketelusan, Amanah, Sadik (benar) dan Semangat Penyayang.

Berdasarkan perbincangan tentang masalah yang wujud dalam koperasi sekolah di negeri Selangor yang melibatkan amalan pengurusan dan nilai etika guru koperasi memberi kesan kepada perolehan *turnover* bagi sesebuah koperasi sekolah. Oleh yang demikian, pengkaji bertanggungjawab untuk menjalankan kajian yang memberi fokus kepada amalan pengurusan dari tiga komponen iaitu perancangan, kelolaan dan kawalan guru koperasi.

Seterusnya, fokus yang kedua kajian ini adalah nilai etika guru koperasi iaitu ketelusan, amanah, sadik (benar) dan semangat penyayang yang diamalkan.


1.4 Kerangka Kajian

Kerangka kajian merupakan panduan bagi perancangan, pelaksanaan, dan laporan sesuatu kajian. Menurut Ary, Jacobs dan Razaviah (2005) kerangka kajian adalah satu unsur yang sangat penting dalam sebarang kajian. Oleh itu pada bahagian ini akan dijelaskan model yang menjadi panduan dalam kajian ini.

1.4.1 Kerangka Teoritikal

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan pengurusan dan nilai etika guru koperasi. Model Pengurusan merupakan asas kepada kajian ini. Kerangka teori kajian ini bertujuan untuk meninjau dua aspek utama dalam amalan pengurusan dan nilai etika guru koperasi cemerlang di dua buah SMK di negeri Selangor. Dua aspek utama tersebut amalan pengurusan dan nilai etika guru koperasi cemerlang di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan.

Kajian ini adalah untuk menerokai dua aspek terhadap amalan pengurusan guru koperasi sekolah. Model Pengurusan Stoner, Freeman & Gilbert (1995) dan Nilai Etika Koperasi (Ahmad Marzuki, 2004) merupakan asas kepada kajian ini. Kerangka teori kajian ini bertujuan untuk meninjau dua aspek utama dalam amalan pengurusan guru koperasi. Kajian ini adalah berdasarkan teori iaitu Model Pengurusan Stoner, Freeman & Gilbert (1995) dan Nilai Etika Koperasi (Ahmad Marzuki, 2004). Model Pengurusan Stoner, Freeman & Gilbert (1995) terdiri daripada empat komponen iaitu merancang, mengelola, mengawal dan memimpin. Walaubagaimanapun, kajian hanya menumpukan tiga daripada empat komponen Model Pengurusan Stoner, Freeman & Gilbert (1995) iaitu merancang, mengelola dan mengawal. Dua aspek utama tersebut ialah amalan pengurusan guru koperasi dan nilai etika yang diamalkan dalam pengurusan guru koperasi sekolah. Gabungan Model Pengurusan Stoner, Freeman & Gilbert (1995) dan Nilai Etika Koperasi oleh Ahmad Marzuki (2004) merupakan dasar kajian ini dengan membentuk satu kerangka teori kajian yang khusus seperti yang terdapat dalam rajah 1.2



Rajah 1.2. Kerangka Teoritikal Kajian. Model Pengurusan Stoner, Freeman & Gilbert (1995) dan Nilai Etika Koperasi oleh Ahmad Marzuki (2004)


1.4.2 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kerangka teori kajian yang dibincangkan sebelum ini seperti yang terdapat dalam rajah 1.2, maka ianya diekstrak dan dikategori semula untuk menghasilkan sebuah kerangka konseptual kajian ini. Terdapat dua aspek utama yang akan dikaji iaitu amalan pengurusan dan nilai etika guru koperasi cemerlang di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan. Terdapat tiga aspek lebih mendalam terhadap amalan pengurusan guru koperasi cemerlang iaitu aspek perancangan, kelolaan dan kawalan guru koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan di negeri Selangor.

Ketiga-tiga aspek yang difokuskan ini merupakan aspek pengurusan guru koperasi yang cemerlang berdasarkan kepada pengurusan guru dapat dipertingkatkan dengan baik sejajar dengan matlamat penubuhan koperasi itu sendiri dan dapat memenuhi hasrat KPM dalam sistem pendidikan negara. Begitu juga, dengan nilai yang difokuskan dalam kajian ini dapat dipupuk dan dizahirkan dalam kajian ini secara tidak langsung meningkatkan pembangunan modal insan di kalangan ALK pelajar.

Ketiga-tiga elemen ini perlu dititikberatkan dalam amalan pengurusan guru koperasi cemerlang supaya amalan pengurusan yang diamalkan selari dengan hala tuju koperasi dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Elemen-elemen yang ditonjolkan amat penting kerana elemen ini dapat membawa sebuah pengurusan guru koperasi yang mantap dan padu sehingga mencapai pengurusan yang yang dibanggakan di seluruh negara. Aspek kedua pula adalah nilai etika koperasi iaitu Ketelusan, Amanah, Sadik (Benar) Dan Semangat Penyayang. Nilai etika koperasi ini sangat diperlukan bagi membentuk dan membina sebuah koperasi yang mempunyai nilai sahsiah yang baik dan terlatih.

Oleh yang demikian, kajian ini akan mengkaji amalan pengurusan guru koperasi dan nilai etika koperasi diaplikasi dalam perancangan, kelolaan dan kawalan guru koperasi sekolah kepada pelanggan. Semua tumpuan yang dibincangkan di atas adalah sepertimanayang terdapat dalam rajah 1.3



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian Model Pengurusan Stoner, Freeman & Gilbert (1995) dan Nilai Etika oleh Ahmad Marzuki (2004)

1.5 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan untuk melihat amalan pengurusan guru koperasi cemerlang di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan. Fokus kajian adalah menerokai amalan pengurusan yang diamalkan oleh guru koperasi di Sekolah Menengah Kebangsaan yang dapat diterjemah dalam perancangan, kelolaan dan kawalan. Di samping itu, nilai dalam



kajian ini menerokai nilai etika oleh guru koperasi yang diamalkan dalam amalan pengurusan guru koperasi di Sekolah Menengah Kebangsaan.

1.6 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini untuk mencapai objektif-objektif yang berikut:

1. Meneliti amalan pengurusan yang diamalkan oleh guru koperasi cemerlang di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan.
2. Menerokai nilai etika yang diamalkan guru koperasi cemerlang di dua buah Sekolah

Menengah Kebangsaan.



1.7 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah amalan pengurusan yang diamalkan oleh guru koperasi cemerlang di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan?
2. Bagaimanakah nilai etika yang diamalkan guru koperasi cemerlang di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan?





1.8 Kepentingan Kajian

Sistem pendidikan negara yang semakin maju seiring dengan arus pembangunan semasa dan kepesatan teknologi maklumat. Perubahan demi perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan kita hari ini. Semua ini bertujuan untuk mempertingkatkan sistem pendidikan yang sedia ada ke arah yang lebih baik. Guru koperasi membuat pembaharuan seiring dengan falsafah pendidikan negara. Keperluan melaksanakan kajian yang mendalam tentang amalan, nilai dan kepercayaan diharap dapat memperkayakan dalam bidang pentadbiran pendidikan khusus dalam koperasi sekolah di negara ini. Walaupun sumbangan ini nampak kecil, ia mungkin boleh membantu KPM merangka latihan profesional khusus kepada guru yang diamanahkan tanggungjawab ini.



Dari segi amalan, kajian ini dapat menyediakan maklumat berkaitan amalan pengurusan guru koperasi cemerlang di Sekolah Menengah Kebangsaan. Ia juga dapat memberikan maklumat bagaimana aspek nilai dan kepercayaan serta jati diri mempengaruhi amalan pengurusan guru dan akhirnya bagaimana guru dapat melakukan perubahan terhadap koperasi sekolah.

Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi dalam pengurusan guru koperasi untuk merealisasikan hasrat kerajaan menjadikan koperasi sekolah yang cemerlang kesan pengurusan kepada sekolah dan pelajar.





Justeru itu, kepentingan kajian ini cuba menyahut dasar pendidikan iaitu pelan pembangunan pendidikan 2015-2025. Di dalam dasar pendidikan ini, kajian ini cuba menyasarkan lonjakan yang pertama iaitu melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang bermula dari peringkat sekolah lagi.

Kajian ini juga penting terutama dalam bidang akademik kerana dengan menjalankan kajian seperti ini, ia akan dapat menambahkan lagi bahan-bahan ilmiah dalam bidang pendidikan di Malaysia serta dapat dimanfaatkan oleh pengkaji-pengkaji lain untuk dijadikan sebagai bahan rujukan.



1.9 Batasan Kajian

Batasan kajian ini, pengkaji ingin mengumpulkan maklumat dan meneroka secara mendalam dan terperinci mengenai amalan pengurusan yang dilaksanakan oleh guru koperasi cemerlang di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan serta pengkaji juga mengenalpasti nilai etika yang diamalkan oleh guru koperasi dalam melaksanakan amalan pengurusan. Oleh itu, kajian ini dijalankan secara kualitatif bagi menghasilkan suatu pola yang terperinci. Saiz dan populasi dalam kaedah ini adalah sedikit. Menurut Kamarul Azmi (2010), empat peserta kajian sudah memadai bagi pengumpulan data kualitatif.





Menurut Choy (2014) dalam kaedah kualitatif, ia memerlukan seorang pengkaji itu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menemu bual responden. Ini merupakan satu masalah kerana pengkaji tidak mempunyai pengalaman dan kemahiran yang baik dalam melaksanakan proses temu bual responden.



1.10 Definisi Operasional

1.10.1 Amalan Pengurusan

Abdul Rahim & Shahrul Bariah (1990) lebih cenderung untuk mentakrifkan amalan pengurusan sebagai proses di mana sesuatu sumber dimanfaatkan untuk mencapai tujuan yang dikehendaki. Menurut George R Terry (1953), mendefinisikan pengurusan sebagai satu proses sistematik yang merangkumi perancangan, pengorganisasian, kawalan dan pendorongan. Empat aktiviti pengurusan yang termasuk dalam definisi ini adalah: perancangan, pengorganisasian, pendorongan (actuating) dan kawalan. Manakala Jaafar (1996) pula melihat amalan pengurusan sebagai suatu seni mendapatkan kerja-kerja terlaksana melalui orang lain. Amalan pengurusan ialah bolehlah didefinisikan sebagai seni mentadbir untuk mencapai objektif organisasi. Ini bererti jika seseorang pengurus inginkan sesuatu kerja terlaksana dan untuk itu dia mendapat kerjasama daripada orang lain, maka dia dikatakan telah mempraktikkan pengurusan.

1.10.2 Perancangan

Mintzberg (1994), perancangan bermaksud suatu tatacara atau aturan bekerja untuk mendapat hasil yang dinyatakan dengan jelas dan tersusun dalam satu sistem membuat keputusan yang bersepadu. Berfikir tentang masa hadapan dan berusaha untuk mengawal

masa depan merupakan satu komponen penting dalam perancangan. Menurut Ghazali (2012), perancangan merupakan jambatan yang menghubungkan di antara keadaan yang ada sekarang dengan keadaan yang hendak kita capai satu masa akan datang.

1.10.3 Kelolaan

Menurut Zaidatul Akmaliah Lope Pihie (2004), secara amnya kelolaan merupakan satu cara pentadbir menyelaraskan sumber-sumber manusia dan bahanbahan. Kecekapan organisasi bergantung kepada kebolehan ahli-ahlinya dalam mencapai matlamatnya. Jika kerja-kerja sesuatu organisasi itu dijalankan secara teratur dan aktiviti-aktiviti diselaraskan, maka akan lebih berkesanlah organisasi tersebut. Pengelolaan berkait rapat dengan penyelarasan yang mana ianya merupakan suatu usaha untuk menghubungkan kaitan, kerja, sumber dan masa dalam satu keadaan supaya saling lengkap-melengkapi (Odden, A., & Archibald, S. 2006).

1.10.4 Kawalan

Menurut Rosnah Selamat (1995), kawalan bermakna pengurus memastikan tidak ada tersasar daripada piawaian atau norma yang telah ditetapkan dalam proses perancangan.

Pentingnya tadbir urus yang kukuh untuk kawalan dalaman yang lebih baik adalah satu cara untuk memperbaiki susunatur pentadbiran, telah menyebabkan kerajaan dan pihak bertanggungjawab mengeluarkan undang-undang, peraturan-peraturan dan undang-undang tadbir.

1.10.5 Koperasi sekolah

Menurut Ungku Aziz (2002), koperasi didefinisikan sebagai suatu pertubuhan yang terdiri daripada orang individu dan yang matlamatnya adalah meningkatkan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi. Selain itu, koperasi yang didirikan di lingkungan sekolah yang anggota-anggotanya terdiri daripada guru dan pelajar sekolah. Koperasi sekolah dapat didirikan pada berbagai tingkatan sesuai jaringan pendidikan.

1.10.6 Guru koperasi

Guru koperasi adalah individu yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan, mengawal, menyelaraskan dan memastikan pergerakan dan perjalanan aktiviti yang terkawal mengikut perubahan, perkembangan, cabaran dan persaingan dalam dunia perniagaan (Abdullah Sani, 2017).

1.10.7 Nilai Etika

Menurut Ahmad Marzuki (2004), Nilai Etika adalah standard atau ukur tara dan prinsip yang digunakan untuk mempertimbangkan harga (worth) sesuatu benda, perkara, perbuatan, tingkah laku, kejadian dan keadaan sama ada benar, baik, berguna, diingini atau pun sebaliknya.

1.10.8 Ketelusan

Ketelusan adalah bersifat telus iaitu bekerja mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditentukan dan bersedia sepanjang masa untuk di audit dan diperiksa bagi menjaga nama baik (Kamal Nazmi Kamaruddin, 2019). Warga perkhidmatan awam tidak boleh menyembunyikan apa-apa yang perlu di simpan atau yang boleh disampaikan kepada umum

1.10.9 Amanah

Amanah adalah satu tanggungjawab yang diberikan sebagai satu prinsip untuk tidak mengambil kesempatan dengan menggunakan pengaruh dan kuasa yang sedia ada (Mumtaz, Norzaini & Mohammed Sani, 2010).



1.10.10 Sadik (Benar)

Menurut Kamal Nazmi Kamaruddin (2019), Sadik (benar) iaitu melakukan yang benar dalam segala perkara. Benar pada niat, benar pada perbuatan, benar pada perkataan. Setiap anggota warga perkhidmatan awam mestilah mempunyai niat benar semasa menjalankan apa jua tugas yang diberikan semata-mata kerana Allah, membuat dan mengemukakan apa-apa tuntutan berpandukan fakta dan butiran yang benar dan mengeluarkan pandangan atau percakapan yang benar menuruhkan ajaran Islam serta menggunakan cara dan adab yang sopan dan mulia. Dengan benar misalnya seseorang itu akan terselamat dari melakukan keburukan dan kesalahan.



1.10.11 Semangat Penyayang

Menurut Siti Norlina Muhamad, Ahmad Kilani Mohamed & Zulkifli Haron (2004), kasih sayang merupakan suatu fitrah yang amat bernilai dalam diri manusia. Ia adalah suatu aktiviti mental yang rasional dan logikal. Setiap individu hendaklah mengendalikan dan membina hubungan dengan penuh tanggungjawab sehingga tercapai hubungan matlamat kebahagiaan di dalam kehidupannya serta orang sekeliling.





1.10.12 Kualitatif

Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif (Kamarul Azmi, 2018). Data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data sebagai berikut (Patton, 1990): (i) Hasil pemerhatian: Huraian terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati di lapangan; (ii) Hasil pembicaraan: kutipan langsung dari pernyataan orang tentang pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikiran mereka dalam kesempatan temu bual mendalam; dan (iii) Bahan tertulis: petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman, dan kes sejarah.



1.11 Rumusan

Di dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan pengenalan kepada latar belakang kajian, pernyataan masalah, kerangka kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi operasional. Kajian ini memberikan fokus kepada amalan pengurusan guru dalam kemahiran pengurusan aktiviti jualan dan belian serta nilai yang diamalkan dalam koperasi.

